

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 04 / 03 / 1982

# Malaysia - UAE gesa hebatkan rundingan kerjasama dua hala

4/3/82  
**A**BU DHABI, 3 Mac - Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu telah menggesa negara-negara Islam supaya memperhebatkan rundingan kerjasama di peringkat dua hala dan perbagai negara.

Dalam satu pernyataan bersama dikeluarkan di sini di akhir lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, kedua-dua negara menegaskan bahawa langkah ini adalah bagi kepentingan setia kawan Islam serta kemajuan dan kestabilan umum.

Kedua-dua pihak bersetuju bahawa langkah ini perlu diambil untuk membantu mengisi aspirasi-aspirasi umat Islam di seluruh negara.

Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu melahirkan kekhuatiran terhadap pertikaian yang berterusan antara Iran dan Iraq kerana bukan sahaja ia bertentangan dengan perpaduan Islam dan negara-negara berk-

ecuali tetapi juga membahayakan keamanan dan kestabilan rantau ini.

Kedua-dua negara menyeru pihak-pihak bertikaian itu menghentikan sikap permusuhan dan menyelesaikan segala perbezaan secara aman berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam.

Mereka juga menegaskan sekali lagi sokongan penuh mereka kepada usaha-usaha damai pertubuhan persidangan Islam, pergerakan berkecuali dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mencari penyelesaian segera, adil dan berterusan kepada pertikaian itu.

Pernyataan itu juga merujuk kepada beberapa isu antarabangsa seperti masalah Asia Barat, isu Palestine, keadaan di Asia Tenggara, selatan Afrika dan juga masalah peningkatan ketenteraan kuasa-kuasa besar di Lautan Hindi.

Kedua-dua negara juga mengutuk Israel kerana

menghakmilikkan Bukit Golan di Syria dan menganggap perbuatan itu satu tindakan pencerobohan terhadap dunia Arab dan Islam dan bertentangan dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kedua-dua Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu dengan keras mengutuk pencerobohan berterusan Isreal terhadap Lebanon yang bertubuhan untuk menghancurkan kedaulatan dan keutuhan kawasan negara itu.

Emiriyah melahirkan penghargaan mendalam terhadap dasar tegas Malaysia menyokong perjuangan Arab dan Palestine dan juga menyambut baik peranan Malaysia dalam mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Mengenai hubungan dua hala, kedua-dua negara melahirkan hasrat untuk mencari jalan mengukuhkan lag kerjasama

sama yang sedia wujud dan mencari lain-lain kerjasama dalam bidang keagamaan, perdagangan dan pelaburan.

Mereka bersetuju untuk mengambil segala langkah memperhebatkan kerjasama dalam bidang-bidang itu bagi faedah rakyat kedua-dua negara.

Mengenai cadangan Malaysia untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam antarabangsa, pernyataan itu berkata Emiriyah Arab Bersatu menyambut baik cadangan tersebut dan melahirkan sokongan penuh terhadap

penubuhannya.

Malaysia sebaliknya melahirkan penghargaan kepada pertolongan yang disediakan oleh Tabung Abu Dhabi bagi kemajuan ekonomi Arab dalam membiayai projek pembangunan di Malaysia.

Penyataan itu juga berkata bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir telah menyampaikan undangan Yang di-Pertuan Agong kepada Presiden Emiriyah Arab Bersatu Sheikh Zayed bin Sultan Al-Nahyan untuk melawat Malaysia, undangan itu telah diterima.